

Appointment of Health D-G to follow procedure

T1STAR PG 20 10/12/2012

KOTA KINABALU: Chief Secretary to the Government Datuk Seri Dr Ali Hamsa said the appointment of the new health director-general to replace Datuk Seri Dr Hasan Abdul Rahman, who was demoted following a *khalwat* case last month, will be according to standard civil service procedures.

"We'll have to wait for it as it is done according to standard civil service procedures. It'll be announced when the time comes," he said after launching the Malaysian Government Services Welfare and Recreation Council (Maksak) *gotong-royong* event at Kampung Lindung, Karambunai, near here yesterday.

Dr Ali was commenting on the post's vacancy after Public Services Commission chairman Tan Sri Mahmood Adam was quoted as saying Dr Hasan had been demoted a grade following the

khalwat case last month and was no longer health director-general.

Earlier, Dr Ali, who is also Maksak president, said the programme was held since 2003 and had received encouraging response, enabling civil servants to get closer to the public – in line with the "Localising Civil Service" theme.

He presented a grass-cutting machine to Village Development and Safety Committee chairman Amin Mendani and hampers to the villagers in the vicinity.

Also present at the event were Sabah Resource Development and Information Technology Assistant Minister Datuk Jainab Ahmad Ayid – who is also Karambunai assemblyman – and state government secretary and Sabah Maksak president Tan Sri Sukarti Wakiman. – Bernama

SPA jawab surat Noor

Calon dipilih berdasar merit

H/METRO MS 20 tgl 10/12/2012.

SURUHANJAYA Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) ingin merujuk e-mel daripada Noor dari Kedah bertajuk 'Saya dah penat mengisi borang mohon kerja' yang disiarkan dalam ruangan ini pada 3 Disember lalu.

Untuk makluman pengadu, urusan pengambilan bagi calon yang berdaftar dengan SPA adalah melalui persaingan terbuka (open competition) di mana calon perlu melepasi syarat lantikan sesuatu skim perkhidmatan dan tapisan tertentu yang ditetapkan SPA. Contohnya, seperti pe-



IMBAS...laporan Harian Metro, 3 Disember lalu.

ngadu yang menggunakan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), maka tapisan yang dikenakan adalah dari segi gred mata pelajaran.

Sekiranya melepasi tapisan berkenaan dan terdapat kekosongan jawatan yang dilaporkan kementerian/jabatan, barulah calon akan dipanggil menghadiri temu duga.

Sukalah diingatkan bahawa pemilihan calon untuk mengisi kekosongan jawatan dalam sektor awam ditentukan berdasarkan merit, kelayakan akademik dan kesesuaian calon dengan perjawatan berkenaan.

Sehubungan itu, tanggapan pengadu bahawa SPA sukar memberikan peluang pekerjaan kepada calon yang menggunakan

kelulusan SPM saja adalah tidak tepat sama sekali kerana calon dinilai sama rata berdasarkan kelayakan yang dimiliki.

Sekiranya pengadu ingin membuat semakan lanjut mengenai jawatan yang dimohon, pengadu bolehlah memberikan nombor kad pengenalan dan e-mel kepada radziah@spa.gov.my.

RADZIAH MOHD SHARIF
Pegawai
Perhubungan Awam,
b.p. Setiausaha,
Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam
Malaysia



Ali Hamsa (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan mesin pemotong rumput pada **program gotong-royong MAKSAK** di Kampung Lindung, Karambunai, semalam.

IBH MS15 10/12/2012

Calon Ketua Pengarah Kesihatan baru diteliti

Sepanggar: Kerajaan akan mengumumkan Ketua Pengarah Kesihatan yang baru dalam masa terdekat bagi menggantikan Datuk Seri Dr Hasan Abdul Rahman selepas senarai nama calon bagi jawatan itu diteliti.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ali Hamsa, berkata tiada perbezaan dalam proses pemilihan calon pengganti kerana ia berdasarkan prosedur biasa yang sudah ditetapkan sebelum ini.

"Kita tunggu sajalah kerana ini proses biasa dalam perkhidmatan awam termasuk pemilihan pengganti Ketua Pengarah

Kesihatan," katanya selepas merasmikan program gotong royong Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (MAKSAK) di Kampung Lindung, Karambunai, di sini semalam.

Beliau mengulas kekosongan jawatan itu berikutan kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam, Rabu lalu bahawa Dr Hasan bukan lagi Ketua Pengarah Kesihatan kerana diturunkan satu gred mengikut Peraturan 33(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 10/12/2012

MS : 2

Jangan kurangkan ambil penjawat awam baharu

Kosmo MS2 10/12/2012



Oleh IKHWAN IDERIS
ikhwan.ideris@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tidak bersetuju dengan pengurangan pengambilan penjawat awam baharu berikutan pelaksanaan opsyen pelanjutan umur persaraan daripada 58 tahun kepada 60 tahun.

Presiden CEUPACS, Datuk Omar Osman (**gambar kecil**) berkata, penjawat awam yang bersara atau meninggal dunia adalah perkara yang pasti akan berlaku pada setiap tahun dan ia tidak sepatutnya menjejaskan pengambilan pekerja baharu.

“Sekiranya kadar pengambilan dikurangkan, bagaimana dengan nasib generasi muda lulusan universiti, Sijil Pelajaran Malaysia dan politeknik



yang ingin berkhidmat sebagai penjawat awam, pasti harapan mereka terjejas,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Pengerusi SPA, Tan Sri Mahmood Adam semalam dilaporkan menyatakan pengambilan penjawat awam baharu akan berkurangan tahun hadapan kerana ramai penjawat awam telah memilih opsyen untuk bersara pada usia 60 tahun.

Beliau bagaimanapun menjelaskan, apabila ramai penjawat awam yang bersara pada usia 60 tahun selepas tahun hadapan, jumlah pengambilan akan kembali bertambah sekurang-kurangnya 10 peratus.

CUEPACS tidak mahu kadar pengambilan penjawat awam dikurangkan bagi memastikan hasrat generasi muda yang ingin berkhidmat dengan kerajaan tidak terjejas. – Gambar hiasan

Ketua Pengarah Kesihatan baru

metro 10/12/12 ms 13

Lantikan ikut prosedur

KOTA KINABALU: Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Dr Ali Hamsa, berkata Ketua Pengarah Kesihatan baru bagi menggantikan Datuk Seri Dr Hasan Abdul Rahman diturunkan satu gred susulan kes khalwat bulan lalu dijangka diumumkan dalam masa terdekat.

Dr Ali berkata, prosedur calon pengganti seseorang ketua pengarah baru itu dibuat mengikut proses biasa dalam sektor perkhidmatan awam.

"Kita tunggu sajalah kerana ini proses biasa dalam perkhidmatan awam termasuk pemilihan pengganti (ketua pengarah kesihatan).

"Kita akan umum apabila tiba masanya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program gotong-royong Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (Maksak) di Kampung Lindung, Karambunai, dekat sini, semalam.

Dr Ali berkata demikian bagi mengulas kekosongan jawatan itu berikutan kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Tan Sri Mahmood Adam, Rabu lalu Dr Hasan yang diturunkan satu gred susulan kes itu kini bukan lagi Ketua Pengarah Kesihatan.

Mahmood berkata, mesyuarat SPA memutuskan Dr Hasan yang merupakan Pegawai Perubatan Gred Utama Turus II, Kementerian Kesihatan itu diturunkan pangkat ke satu gred

yang lebih rendah daripada jawatan yang disandang sekarang dan ia dibuat mengikut Peraturan 33(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pada 14 November lalu, Dr Hasan, 56, dan pasangannya, Wan Syarifah Nooraazmanita Wan Hassan, 36, juga petugas kementerian, masing-masing didenda RM3,000 dan RM2,900 oleh Mahkamah Tinggi Syariah setelah mengaku bersalah atas tuduhan berkhalwat di sebuah bilik Hotel Pullman Putrajaya, pada jam 2.18 pagi hari sama.

Terdahulu, Dr Ali yang juga Yang Dipertua Maksak berkata, program yang dimulakan sejak 2003 itu akan diteruskan berikutan sambutan menggalakan di mana pegawai dan anggota kerajaan dapat mendekati diri dengan rakyat selaras dengan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'.

Beliau berkata, program serupa itu memberi peluang kepada perkhidmatan awam untuk berkongsi maklumat mengenai usaha penambahbaikan yang sedang dan bakal dilaksanakan.

"Program kali kelapan dan pertama kali diadakan di Sabah ini memberi peluang penjawat awam berada dekat di hati orang kampung terutama di kawasan luar bandar selain memberi sumbangan kecil kepada masyarakat," katanya.

KOTA KINABALU

T/MALAY MAIL PG 10 10/12/2012

New health DG to be appointed by the book, says chief secretary

CHIEF secretary to the government, Datuk Seri Dr Ali Hamsa, said that the appointment of the new health director-general to replace Datuk Seri Dr Hasan Abdul Rahman, who was demoted following a khalwat case last month, will be according to standard civil service procedures.

"We'll have to wait as it is done according to standard civil service procedures. It'll be announced when the time comes," he told reporters after launching the Malaysian Government Services Welfare and Recreation Council (MAKSAK)

gotong-royong in Kampung Lindung, Karambunai here yesterday.

Ali was commenting on the post's vacancy after Public Services Commission Chairman Tan Sri Mahmood Adam was quoted as saying Dr Hasan had been demoted a grade following the khalwat case last month and was no longer health director-general.

Earlier, Ali, who is also MAKSAK president, said the programme has been held since 2003 and received encouraging response, enabling civil servants to get closer to the pub-

lic in line with the "Localising Civil Service" theme.

He presented a grass-cutting machine to Village Development and Safety Committee Chairman Amin Mendani, as well as hampers to the villagers in the vicinity.

Also at the event were Sabah resource development and information technology assistant minister and Karambunai assemblyman Datuk Jainab Ahmad Ayid and state government secretary and Sabah MAKSAK president Tan Sri Sukarti Wakiman.
— Bernama

TARIKH : 10/12/2012

MS : 20

NST PG 20 20 10/12/2012

New health D-G will be known soon

VACANCY: Wait for announcement, says chief secretary to govt


KOTA KINABALU

CHIEF Secretary to the Government Datuk Seri Dr Ali Hamsa said the appointment of a new health director-general to replace Datuk Seri Dr Hasan Abdul Rahman, who was demoted following a khalwat case last month, will follow the standard civil service procedures.

"We'll have to wait as it must be done according to the standard civil service procedures.

"It'll be announced when the time comes," he said after launching the Malaysian Government Services Welfare and Recreation Council (Maksak)'s gotong-royong at Kampung Lindung in Karambunai, near here, yesterday.

Ali was commenting on the vacancy of the post following a state-



Datuk Seri Dr Ali Hamsa says the appointment will adhere to **civil service procedures**

ment by Public Services Commission chairman Tan Sri Mahmood Adam that Dr Hasan had been demoted and that he was no longer

the health director-general.

Earlier, at the launch, Ali, who is also Maksak president, said the programme had been held since 2003 and received encouraging response.

He added that this allowed civil servants to forge better ties with the public, in line with the "Localising civil service" concept.

Ali also presented a grass-cutting machine to village development and safety committee chairman Amin Mendani and hampers to villagers.

Present were Sabah Resource Development and Information Technology Assistant Minister and Karambunai assemblyman Datuk Jainab Ahmad Ayid and state government secretary and Sabah Maksak president Tan Sri Sukarti Wakiiman. **Bernama**

Orang Asli berkelulusan layak ke jawatan tinggi

DENGKIL: Masyarakat Orang Asli yang mempunyai kelulusan dan berkelayakan sentiasa diberi keutamaan untuk memegang jawatan di pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Ismail Alias berkata, masyarakat Orang Asli kini semakin hebat kerana semakin ramai di kalangan mereka terutama generasi muda kini berkhidmat sebagai penjawat awam.

Malah, katanya, ketika ini seorang Orang Asli sudah memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Jakoa, iaitu Nisra Nisran Asra Ramlan.

"Kami memang memberi keutamaan kepada masyarakat orang Asli kerana mereka memang diakui hebat ketika ini terutama yang mempunyai kelulusan dan kelayakan seperti ditetapkan untuk mengisi kekosongan jawatan di pelbagai agensi kerajaan.

"Kita tidak pernah ada ha-



MESRA...Dr Ismail (dua dari kanan) bersama kanak-kanak Orang Asli pada Program Mesra Minda.

langan, malah sentiasa berusaha untuk memastikan lebih ramai anak Orang Asli yang dapat memegang jawatan tertinggi di sektor awam, malah, sekiranya esok (masa depan) Timbalan Ketua Pengarah (Nisra Nisran) layak menjadi Ketua Pengarah di mana-mana jabatan, kami akan menaikkan pangkatnya," katanya selepas merasmikan Program Mesra Minda bersama JPA dan Semarakkan Perkhidmatan Awam bersama masyarakat Orang

Asli Sepang di Kampung Orang Asli, Kolam Air Bangkong di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Datuk Mohd Sani Mistam.

Nisra Nisran, 37, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), anak Orang Asli pertama memegang jawatan tertinggi di sektor awam selepas dilantik menjadi Timbalan Ketua Pengarah Jakoa, pada 2009.

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 10/12/2012

MS : 04

Orang Asli diberi keutamaan dalam perkhidmatan awam

DENGKIL - Kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada kaum Orang Asli mengisi kekosongan jawatan dalam sektor perkhidmatan awam.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JPA, Datuk Ismail Alias berkata, pihaknya melakukan usaha berterusan untuk meningkatkan jumlah Orang Asli dalam perkhidmatan awam.

"Malah ada juga dalam kalangan masyarakat itu memegang jawatan tinggi dalam kerajaan termasuk jawatan Timbalan Ketua Pengarah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Semarakkan Perkhidmatan Awam Bersama Masyarakat Orang Asli di daerah Sepang di Kampung Orang Asli Kolam Air Bangkong di sini semalam.

UTUSAN MALAYSIA

10 DISEMBER

MS: 21

Pengganti Hasan diumumkan dalam masa terdekat

Um 10/12/2012 Ms 21

SEPANGGAR 9 Dis. - Pengganti bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hasan Abd. Rahman yang mengaku bersalah atas tuduhan berkhawat pada November lalu akan diumumkan dalam masa terdekat.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa berkata, proses biasa yang terdapat dalam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan digunakan bagi memilih pengganti Hasan.

Katanya, senarai calon bagi menjawat kedudukan Ketua Pengarah Kesihatan itu sudah ada dan semua pihak perlu menunggu pengumuman tersebut yang akan diadakan dalam satu majlis khas.

"Apa yang boleh saya katakan, pengumuman itu mungkin dibuat



ALI HAMSA



HASAN ABD. RAHMAN

dalam masa terdekat kerana tempoh jawatan yang ditinggalkan Hasan sudah hampir sebulan," katanya ketika ditemui dalam majlis Program Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (Maksak) Turun Padang di Kampung Lindung, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua

Maksak Sabah yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Sukarti Wakiman; Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir; Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib dan Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Datuk Dr. Muhiddin Yusin.

Mengulas tentang Program Maksak Turun Padang, Hamsa berkata, aktiviti yang dilaksanakan sejak 2003 itu merupakan sumbangan kecil golongan penjawat awam kepada masyarakat.

Menurutnya, program seumpama itu dilihat sangat penting untuk merapatkan hubungan antara golongan penjawat awam dan orang ramai sekali gus memenuhi keperluan masyarakat setempat.